

12/12/2001

Misuari ke negara ketiga jika Manila enggan terima

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia sedia menghantar bekas Gabenor Wilayah Autonomi Muslim Mindanao, Nur Misuari, ke negara ketiga jika Filipina enggan menerimanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, setakat ini belum ada sebarang permintaan rasmi dari mana-mana negara, termasuk Arab Saudi, untuk menerima Nur Misuari.

"Jika mereka (Manila) tidak mahu, kita hantar ke negara ketiga kerana kita tidak ada sebab untuk menahannya di sini, tetapi kita akan menghantarnya balik ke Manila bila-bila masa mereka mahu," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan perayaan bagi Wilayah Persekutuan dan Selangor di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan dari Manila hari ini, bahawa seorang Senator Filipina memberi amaran kepada Malaysia supaya tidak menghantar Misuari ke negara ketiga kerana ia sama seperti memberinya suaka politik.

Senator Rodolfo Biazon yang juga Naib Pengerusi Jawatankuasa Senat Pertahanan dilaporkan berkata, Misuari perlu segera dihantar pulang bagi menghadapi dakwaan mengikut undang-undang republik itu.

Biazon berkata demikian sebagai reaksi terhadap kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, bahawa Misuari mungkin dihantar ke negara ketiga sekiranya Filipina tidak mahu menerimanya.

Dr Mahathir berkata, Misuari tidak melakukan kesalahan di negara ini kecuali memasuki Malaysia tanpa izin dan dia hanya berhak ditahan selama sebulan saja.

"Lepas itu, kita kena bebaskan dia... takkan bebaskan dia sampai dia boleh ke mana-mana kerana kertas (dokumen perjalanannya) pun tak ada.

"Jadi kita nak hantar balik ke Manila. Kalau Manila nak, terimalah. Kalau dia tak nak, kita tak boleh simpan di sini. Kalau ada orang lain nak, kita hantarliah," katanya.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada terdapat permohonan rasmi untuk Misuari, terutama dari Arab Saudi, beliau berkata: "Tak ada, tak ada petunjuk apa."

Ditanya punca Manila enggan menerima Misuari secepat mungkin, Perdana Menteri berkata: "Itu saya tak tahu, itu masalah dia."

Sementara itu, pemimpin kumpulan pemisah di selatan itu Filipina itu dikatakan memohon suaka politik bagi mengelak dihantar pulang ke Manila.

Jurucakap Pesuruhjaya Tinggi Bagi Pelarian (UNHCR) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Shnji Kubo, berkata Misuari memfailkan permohonan mendapatkan suaka menerusi peguamnya di Washington, akhir bulan lalu.

"Misuari mahu mendapatkan suaka bagi mengelak dihantar ke mana-mana tempat yang boleh membahayakan kebebasan dan nyawanya," kata Kubo kepada agensi berita AFP.

Malaysia sebelum ini menegaskan tidak akan memberi suaka politik kepada Misuari tetapi semalam, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia sanggup memberinya laluan ke negara ketiga.

Kubo, yang menyifatkan kes Misuari sebagai sensitif berkata, UNHCR akan meminta kebenaran pihak berkuasa Malaysia untuk menemuramahnya bagi mengesahkan permohonan suaka selain menilai kelayakannya untuk mendapat perlindungan PBB.

Misuari ditahan 24 November lalu ketika melarikan diri ke Sabah selepas didakwa mengetuai pemberontakan bersenjata yang menyebabkan lebih 100

orang terbunuh.

Dia menghadapi tuduhan memberontak dan hasutan di Filipina, tetapi Manila setakat ini seperti tidak berminat membawa balik bekas Gabenor Mindanao itu.

(END)